

NOTIS PERISYTIHARAN JUALAN

**PERNTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN
PTKP/Q/2/2026**

Dalam perkara Seksyen 257 dan 263 Kanun Tanah Negara 1965

ANTARA

**KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD
DAN**

...PEMEGANG GADAIAN

**AINOL ANWAR BIN AHMAD
(NO.K/P: 690927-02-5707/A 1352738)**

...PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Tuan/Puan Pentadbir Tanah Kubang Pasu, Kedah yang diperbuat pada 18 Mei 2026 adalah dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Kubang Pasu, Kedah dengan dibantu oleh Pelelong Berlesen akan menjual hartanah berikut secara

LELONGAN AWAM

**PADA HARI KHAMIS 2 JULAI 2026 JAM 10.00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT TANAH DAERAH KUBANG PASU,
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH KUBANG PASU, KEDAH
HARGA RIZAB RM 285,000.00**

NOTA: Bakal-bakal pembeli adalah dinasihatkan agar membuat carian Hakmilik secara rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah sebelum jualan lelong.

BUTIR-BUTIR HAKMILIK

- No Hakmilik : GM 310
No Lot : Lot 1446
Mukim/Daerah/Negeri : Gelong/Kubang Pasu/Kedah
Kategori kegunaan tanah : Pertanian
Syarat Nyata : Syarat khas bagi tanaman getah
- i) Tiada boleh diikat atau dibina apa-apa bangunan diatas tanah ini daripada bangunan yang berkenaan dengan tanaman getah.
 - ii) Hendaklah ditanam dengan anak-anak getah yang dibeli daripada Kerajaan atau pokok-pokok getah yang ada sedia itu hendaklah dikahwinkan dengan benda-benda (material) yang dibeli daripada Kerajaan untuk diatas tanah ini dengan biji-biji yang dibeli daripada Kerajaan.
 - iii) Tiada boleh didirikan atau dibangunkan sebarang kilang atau apa-apa jenis factory diatas tanah ini melainkan dengan surat kebenaran daripada Kepala Pekerjaan Tanah.

Jika pada mana-mana masa didapati dengan puas hati State Council mana-mana orang Melayu atau orang Siam telah mencuba mengubah hak atau faedahnya tanah simpanan bagi orang yang bukan Melayu atau Siam ikut kejenisannya melainkan faedahnya yang bersangkutan dengan orang yang memajak menurut undang-undang ini atau faedah orang yang memegang gadai yang telah di register maka haknya didalam tanah itu bolehlah dibatalkan mengikut hukuman State Council.

Pegangan : Selama-lamanya
Kawasan Rizab : Tiada
Sekatan Kepentingan : Tiada
Keluasan : 1.2922 hektar (3.1931 ekar)
Pemilik berdaftar : Ainol Anwar bin Ahmad (No.K/P: 690927-02-5707/A1352738)
Cukai tanah : RM 39.00
Bebanan : Gadaian kepada Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad menurut Pserahan No. 1411/2016 didaftarkan pada 21/04/2016

LOKASI DAN PERIHAL HARTANAH

Hartanah terletak di kawasan dikenali sebagai Salit, Mukim Gelong, Jalan Kampung Bemban, Jitra, Kedah. Hartanah terletak kira-kira 7.5 km dari Pusat Bandar Jitra, Kedah. Hartanah merupakan sebidang tanah pertanian bersyarat getah

CARA BAYARAN

Para penawar yang berminat adalah dikehendaki men deposit sebanyak 10% daripada harga rizab **(RINGGIT MALAYSIA: DUA RATUS LAPAN PULUH LIMA RIBU (RM 285,000.00))** secara bank draf di atas nama **KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD** pada hari lelongan awam sebelum jam 11.00 pagi. Baki harga lelongan hendaklah dibayar dalam tempoh **120 hari** dari tarikh lelongan kepada **KOPERASI CO-OPBANK PERTAMA MALAYSIA BERHAD**. Jika pembeli gagal menjelaskannya maka deposit sebanyak 10% tidak akan dikembalikan dan hartanah akan dilelong semula

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Tuan Pentadbir Tanah Kubang Pasu
Kompleks Pentadbiran Daerah & Tanah Kubang Pasu
06000 Jitra, Kedah
Tel: 04-7028383

Tetuan The Chambers Of Shamsul Qamar
Peguambela & Peguamcara
No.2177, Jalan Tunku Abdul Halim
Off Jalan Mahkota
05100 Alor Setar, Kedah
Tel: 04-7310003
Ruj : CSQ(AS)/2108.6(9)SBP/2023/MSJ

Yusri bin Yahya
Pelelong Berlesen
No.40, Taman Satria
Jalan Langgar
05460 Alor Setar, Kedah
Tel: 017-5252885